



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



TAHAP KESEDIAAN GURU TERHADAP PERLAKSANAAN PENDIDIKAN ABAD KE 21 DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KUALA LANGAT

READINESS OF TEACHERS ON 21ST CENTURY EDUCATION IMPLEMENTATION IN PRIMARY SCHOOL AT KUALA LANGAT DISTRICT

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi^{1*}, Yuvaneswari Raman², Norazimah Zakaria³, Mohd Syaubari Othman⁴, Mohd Afifi Setambah⁵

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: mazarul@fpm.upsi.edu.my

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: g-24330938@moe-dl.edu.my

³ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my

⁴ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: syaubari@fpm.upsi.edu.my

⁵ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: mohdafifi@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.05.2022

Revised date: 28.05.2022

Accepted date: 25.06.2022

Published date: 30.06.2022

To cite this document:

Hanapi, M. H. M., Raman, Y., Zakaria, N., Othman, M. S., & Setambah, M. A. (2022). Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke 21 Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Di Daerah Kuala Langat. *International Journal of Education,*

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesiediaan guru terhadap pelaksanaan pendidikan abad ke 21 dalam kalangan guru-guru sekolah rendah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Seramai 132 orang guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kuala Langat telah dipilih dengan kaedah persampelan rawak sebagai sampel kajian. Analisis deskriptif dan analisis inferensi digunakan dalam menjawab persoalan kajian. Hasil kajian menunjukkan tahap kesiediaan guru terletak pada tahap yang tinggi dengan nilai min 3.83 dan sisihan piawai 0.298. Implikasi daripada kajian ini dapat dilihat menerusi guru-guru dapat mengetahui tahap kesiediaan yang dimilikinya terhadap pelaksanaan pendidikan abad ke 21 terutamanya, dalam aspek kognitif, tingkah laku dan afektif guru terhadap pelaksanaan pendidikan abad ke 21. Selain itu, dengan melaksanakan kajian ini turut menjadi panduan kepada guru-guru dalam mengenali kepentingan aspek pengetahuan dan kemahiran yang menjadi asas kepada pelaksanaan pendidikan abad ke 21 di sekolah rendah. Maka, semua pihak terutamanya guru-guru di sekolah yang memainkan peranan sebagai golongan pelaksana

Psychology and Counseling, 7 (46), 686-693.

DOI: 10.35631/IJEPC.746052

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



harus menyediakan diri dalam menghadapi setiap perubahan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan demi kebaikan murid.

Kata Kunci:

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pendidikan Abad Ke-21 (PAK-21), Kesianaan Guru, Afektif

Abstract:

This study aims to examine the level of readiness of teachers towards the implementation of the 21st century education among primary school teachers. This study uses quantitative method using questionnaire. A total of 132 teachers in the Tamil National Type School in Kuala Langat District were selected by random sampling method as a sample of the study. Researchers have used descriptive analysis and inferential analysis in responding to research questions. The results showed that the level of teacher readiness was at a high level with a mean value of 3.83 and a standard deviation of 0.298. The implications of this study can be seen through the Teachers to find out the level of readiness they have to the implementation of the 21st century education, especially in the cognitive, behavioral and affective aspects of the teacher towards the implementation of the 21st century education. In addition, to teachers in identifying the importance of knowledge and skills aspects that are the basis of the implementation of the 21st century education in primary schools. Therefore, all parties, especially teachers in schools who play the role of the implementing body should prepare themselves for any change introduced by the government for the goodness of the students.

Keywords:

In-class Assessment (PBD), 21st Century Education, Teachers Readiness, Affective

Introduction

Pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara khususnya dalam memastikan kualiti keupayaan generasi baharu. Dalam pada itu, pendidikan telah melalui pelbagai perkembangan dan perubahan mengikut arus peredaran dunia serta perkembangan teknologi dan sains (Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali, 2019). Sejalan dengan itu, pendidikan menjadi salah satu komponen utama yang menjunjung pembangunan sesebuah negara. Maka, menjadi kewajipan sesebuah negara dalam merangka sistem pendidikan yang membuatkan pelajar menuntut pendidikan dari setiap tempat yang dihuni pada bila-bila masa sahaja (Faizal & Khalil, 2015).

Wardyawaty Rajikal dan Mohd Isa Hamzah (2020) mendapati Pendidikan Abad Ke 21 (PAK 21) sebagai sebuah pendekatan terkini yang harus menjadi amalan dalam kalangan guru. Berdasarkan tinjauan yang dijalankan oleh Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan dan Maslinda Pungut (2021) ramai murid tidak dapat mengakses pendidikan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan di Malaysia bagi membanteras penularan wabak Covid-19. Dalam era ke 21 ini, pelbagai disiplin ilmu telah melalui perubahan agar dapat bergerak seiring dengan perkembangan dunia. Sejalan dengan itu, sistem pengajaran dan pembelajaran juga memerlukan perubahan demi mengikut arus perubahan yang dialami pada peringkat global (Nasrah, Hasimah & Aida, 2015).

Kajian Literatur

Kajian Hanapi, M. H. B. M., Zakaria, N. B., & Shaffeei, K. B. (2020) menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang kukuh dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ini kerana, pada zaman yang penuh dengan pelbagai cabaran dari pelbagai aspek, guru-guru perlu menyiapkan diri mereka untuk melahirkan pelajar-pelajar yang kreatif, berinovasi dan juga cemerlang dalam setiap perkara.

Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan dan Maslinda Pungut (2021) menyatakan bahawa pandemik Covid-19 telah mengubah corak penyampaian pendidikan kepada pelajar. Selaras itu, mod pengajaran dan pembelajaran turut mengadaptasikan kaedah terkini sejajar dengan perkembangan teknologi. Menurut Faizal dan Khalil (2015) model pendidikan tradisional sering memberi tumpuan kepada pembelajaran kandungan yang dikenal pasti untuk bidang subjek (iaitu matematik, sains, seni bahasa, dan kajian sosial), dan kemudian menilai pengetahuan kandungan ini dengan kuiz, dan ujian pada akhir bab atau modul pembelajaran. Hasil yang diinginkan dalam kerangka pembelajaran abad ke-21 termasuk pembelajaran subjek sekolah tradisional dan tema kontemporari dalam gabungan dengan tema abad ke-21. Subjek teras dan tema yang membingkai pembelajaran abad ke 21 termasuk subjek teras tradisional sambil menekankan literasi sivik, kesedaran global, keusahawanan, literasi kesihatan, dan pendidikan alam sekitar.

Pernyataan Masalah

Kajian Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) mendapati guru-guru menghabiskan masa dalam menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menjurus pada melengkapi silibus dan tidak memberi fokus pada pelaksanaan pendidikan abad ke 21. Ini adalah disebabkan beban tugas dan tanggungjawab yang digalas bagi menyediakan murid bagi peperiksaan awam.

Seterusnya, hasil laporan pelaksanaan pendidikan abad ke 21 di Daerah Kuala Langat menunjukkan status Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berada pada tahap yang memuaskan sahaja berbanding dengan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.1 mendapati Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berada pada paras memuaskan sahaja dalam pelaksanaan PdPc. Penyeliaan pelaksanaan pendidikan abad ke 21 di Daerah Kuala Langat mefokuskan pelaksanaan pendidikan abad ke 21 menerusi kaedah pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, penyediaan bilik darjah dan strategi pengajaran yang diinputkan kepada murid.

Metodologi

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kuantitatif yang mana menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian terhadap guru-guru yang mengajar di sekitar SJK (T) di Daerah Kuala Langat. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru dan hubungannya dengan pelaksanaan pendidikan abad ke 21. Bagi memudahkan responden menjawab soalan dalam bahagian ini, penyelidik telah menetapkan untuk menggunakan Skala likert di mana responden hanya perlu memilih jawapan yang difikirkan sesuai. Kajian rintis telah dijalankan di daerah Kuala Langat dengan melibatkan guru-guru yang tidak terlibat dengan kajian sebenar. Seramai 30 orang guru telah dipilih sebagai peserta bagi kajian rintis ini. Analisis kobolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada ciri alat pengukuran yang dapat mengesan dan mengesahkan kajian yang terdahulu berjaya memperolehi keputusan yang sama jika ianya benar pada masa dan tempat yang berlainan. Item soalan telah diuji dengan menggunakan model pengukuran Cronbach Alpha

yang diasaskan kepada model kekonsistenan dalaman. Data yang dikumpul diproses dengan menggunakan Statistical Package For The Social Science (SPSS) versi 19.0 untuk merekodkan data yang dikumpul.

Analisis Kajian dan Dapatan

Bagi melihat tahap kesediaan guru, analisis deskriptif telah dijalankan dengan mengukur nilai min dan sisihan piawai. tahap kesediaan guru dibahagikan kepada tiga dimensi utama iaitu kognitif guru, tingkah laku guru dan afektif guru terhadap pelaksanaan pendidikan abad ke 21 dalam pengajaran. Setiap dimensi ini diuji menerusi 10 item dalam borang soal selidik. Hasil daripada analisis ditunjukkan secara keseluruhannya, tahap kesediaan guru terletak pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 3.83 dan sisihan piawai sebanyak 0.29872. Secara terperinci, tahap kesediaan guru dalam aspek tingkah laku berada pada aras tinggi dengan nilai min sebanyak 3.85 ($sp=0.31278$), diikuti tahap kognitif guru sebanyak 3.83 ($sp=0.28801$) dan akhir sekali, tahap afektif guru menunjukkan nilai min sebanyak 3.82 ($sp=0.29536$). Dengan hasil dapatan ini menerusi analisis deskriptif dapat membuktikan bahawa tahap kesediaan guru berdasarkan tiga dimensi ini berada pada paras yang tinggi.

Jadual 1.1 Tahap Kesediaan Guru

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kognitif Guru	3.83	0.28801	Tinggi
Tingkah Laku Guru	3.85	0.31278	Tinggi
Afektif Guru	3.82	0.29536	Tinggi
Jumlah	3.83	0.29872	Tinggi

Seterusnya, analisis deskriptif turut dijalankan bagi mengukur nilai tahap pelaksanaan pengajaran abad ke 21 di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kuala Langat. Tahap pelaksanaan ini diukur menerusi 15 soalan atau konstruk dalam borang soal selidik yang disediakan. Hasilnya menunjukkan tahap pelaksanaan pengajaran abad ke 21 berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 3.88 dan sisihan piawai sebanyak 0.500. Dengan hasil kajian ini, dapat membuktikan tahap pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Kuala Langat terletak pada tahap yang tinggi.

Secara terperinci mengikut konstruk soalan, item kedua dan ketiga yang menyoal tentang persediaan guru dalam susun atur meja kerusi murid dan carta organisasi kelas mendapat nilai yang tinggi iaitu 4.08. Sebaliknya, item ketujuh yang menyoal tentang peluang kepada murid untuk berinteraksi dalam pelbagai hala seperti murid dengan murid, murid dengan bahan dan/atau murid dengan guru mencatat nilai min yang rendah iaitu sebanyak 3.68. Namun, secara keseluruhan tahap pelaksanaan berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah.

Jadual 1.2 Tahap Pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21

Konstruk Tahap Persediaan Pengajaran Abad ke 21	Min	SP	Tahap
1. Menyediakan sumber pendidikan yang sesuai, menarik dan merangsang pemikiran murid	3.97	0.250	Tinggi

2. Susun atur kerusi dan meja sesuai (4-6 orang murid).	4.08	0.325	Tinggi
3. Carta organisasi kelas dipamerkan.	4.08	0.325	Tinggi
4. Jadual waktu kelas dipamerkan.	4.00	0.536	Tinggi
5. Sudut PPPM (Aspirasi Murid / KBAT / i-Think) disediakan.	3.74	0.668	Tinggi
6. Sudut kesedaran isu semasa (dalam / luar negara) disediakan.	3.75	0.657	Tinggi
7. Murid diberi peluang untuk berinteraksi dalam pelbagai hala seperti murid dengan murid, murid dengan bahan dan/atau murid dengan guru.	3.69	0.726	Tinggi
8. Guru menggunakan teknik penyoalan yang berkesan.	3.93	0.369	Tinggi
9. Soalan yang dikemukakan berjaya menarik minat murid dan dapat mencetuskan pemikiran kreatif dan kritis (KBAT).	3.80	0.588	Tinggi
10. Menggunakan maklum balas pentaksiran formatif untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan segera dalam P&P.	3.79	0.619	Tinggi
11. Menggunakan lebih dari satu kaedah untuk membuat pentaksiran formatif semasa pdp untuk mengukur dan mengesan kemajuan murid.	3.76	0.655	Tinggi
12. Hasil kerja murid disemak secara konstruktif dan konsisten.	3.91	0.410	Tinggi
13. Menggunakan kaedah pengajaran sesuai dengan keperluan dan keupayaan murid [<i>Differentiated Learning</i> /Pembezaan]	3.88	0.470	Tinggi
14. Mengamalkan prinsip-prinsip asas (berasaskan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid, mudah kepada konkrit, konkrit kepada abstrak)	3.90	0.431	Tinggi
15. Sumber pendidikan abad ke 21 seperti ICT, Jaringan Web, Frog VLE, video guru, 1BestariNet disediakan dan digunakan.	3.87	0.467	Tinggi
Jumlah Keseluruhan	3.88	0.500	Tinggi

Kesimpulan

Bagi melihat tahap kesediaan guru dalam kalangan guru di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pendidikan abad ke 21, analisis deskriptif telah dijalankan. Sebanyak 30 soalan dengan membahagikan kepada tiga komponen utama telah diuji menerusi borang soal selidik. Hasilnya, secara keseluruhannya, tahap kesediaan guru terletak pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 3.83 dan sisihan piawai sebanyak 0.29872. Secara terperinci, tahap kesediaan guru dalam aspek tingkah laku berada pada aras tinggi dengan nilai min sebanyak 3.85 ($sp=0.31278$), diikuti tahap kognitif guru sebanyak 3.83 ($sp=0.28801$) dan akhir sekali, tahap afektif guru menunjukkan nilai min sebanyak 3.82 ($sp=0.29536$). Dengan hasil dapatan ini menerusi analisis deskriptif dapat membuktikan bahawa tahap kesediaan guru berdasarkan tiga dimensi ini berada pada paras yang tinggi.

Manakala, kajian Nooraini dan Halim (2017) mendapati dapatan kajian yang hampir sama dengan kajian ini dimana seramai 203 orang guru dari Sekolah Menengah telah mengambil bahagian yang berada di sekitar Johor Baharu. Hasil kajiannya menunjukkan tahap kesediaan bagi aspek kognitif, tingkah laku serta afektif berada pada tahap yang sederhana. Ini adalah disebabkan pendidikan abad ke 21 belum menemukan penyudahann dalam fasa pelaksanaan. Malahan, walaupun ia telah diperkenalkan namun, baru guru-guru mula menyesuaikan diri dengan pengaplikasi dan pengintgerasiaan pendidikan abad ke 21 pengajaran di bilik darjah. Maka, guru-guru memerlukan latihan dan maklumat berkaitan dengan pelaksanaan pendidikan abad ke 21 bagi memudahkan perlaksanaannya.

Sementara itu, Nasruddin (2016) menyatakan bahawa 159 orang warga pendidikan yang mengambil bahagian dalam kajiannya menyatakan bahawa amalan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pendidikan abad ke 21 dijalankan dengan berjaya dan tahap kesediaan dan kefahaman guru terhadap perlaksanaannya berada pada tahap yang tinggi. Seterusnya, kajian Athirah dan Faridah (2017) membuktikan bahawa guru-guru menunjukkan tahap kesediaan menerusi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap perlaksanaannya dan membuktikan bahawa berada pada tahap yang tinggi.

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa guru-guru memahami kepentingan dan kewajipan dalam mengetahui dan mengenali semua elemen-elemen yang berada dalam pelaksanaan sistem pendidikan abad ke 21. Ini adalah untuk memastikan pelajar tidak ketinggalan dari sudut penerimaan ilmu daripada warga guru. Maka, dapat disimpulkan bahawa guru-guru di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam menghadapi pelaksanaan sistem pendidikan abad ke 21.

Rujukan

- Athirah & Faridah. (2017). *Kesediaan Guru Prasekolah dalam Melaksanakan KBAT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017).
- Azlina. (2015). *Kesediaan Guru dalam Pendidikan Integrasi Science, Engineering, Technology and Mathematics (STEM)*. Laporan Ijazah Sarjana Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Bael, B. T., Nachiappan, S., & Pungut, M. (2021). Analisis Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran, Pengajaran dan Pemudahcaraan Abad ke 21. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 100-119.

- Ellie. (2016). Hubungan antara Kesedaran Metakognisi, Motivasi dan Pencapaian Pelajar Universiti. *Jurnal Pendidikan*, 31: 21-39.
- Fahmi. (2016). *Kesediaan Guru Sekolah Menengah Mengamalkan Pengajaran Abad ke 21*. Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Faizal & Khalil. (2015). Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, April 2015, Bil. 2, Isu 2.
- Fathonah & Nuraini. (2017). *Kesediaan Penerapan Kemahiran Insaniah dan Hubungannya dengan Komitmen dalam Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti di Negeri Kedah*. e Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17).
- Fatimah. (2015). *Perkembangan Kognitif: Teori Jean Piaget*. Intelektualita - Volume 3, Nombor 1, Januari-Jun 2015.
- Gengatharan, K., & Rahmat, A. (2019). Keperluan Modul Pentaksiran Pendidikan Kesihatan untuk Guru Tahap Satu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 8(2), 19-27.
- Habibah Mat Rejab. (2016). *Amalan Pentaksiran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)* : Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Halimah Jamil. (2019). *Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu Dalam Pentaksiran Bilik Darjah*.
- Hanapi, M. H. B. M., Zakaria, N. B., & Shaffeei, K. B. (2020). Cabaran Pendidikan Abad Ke 21 Sekolah Rendah. *International Journal of Modern Education*, 2(5), 01-08.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. (2018). Pengaruh Kesediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysia Journal of Sciences and Humanities*. Vol. 3. Issue. 4.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (1 st ed Jan-Feb 2019) :Info Media*, 9 Intervensi Kurangkan Beban Guru. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia 2001-2010. Perancangan Bersepadu Penjana Pendidikan*, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mohammad Azhar Ali & Shahrir Jamaluddin. (2007). Amalan Pentaksiran untuk Pembelajaran di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan* 27(1):19-39.
- Mohammad Najib Abdul Ghaffar. (2011). *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*: UTM, Johor.
- Nashrah, Hasimah & Aida. (2015). Matematik dan Kemahiran Abad Ke-21: Perspektif Pelajar. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 3 (1), 24-36 (2015) ISSN: 2231-9425.
- Norsyuhadah Maskan. (2013). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bagi Mata Pelajaran Sains Di Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian*, Johor.
- Peng, C.F. (2015). Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2), 1-11.
- Puteri Rothiah Megat Yahaya. (2018). *Amalan Pentaksiran Bilik Darjah Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ulu Kinta (disertasi)* UPSI, Tanjong Malim.

- Rusdin, N. M., & Ali, S. R. (2019, November). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. In *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (pp. 87-105).
- SH. Siti Hauzimah Wan Omar, (2018). *Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah* (disertasi) UPSI, Tanjong Malim.
- Yates, A., & Johnston, M. (2018). *The impact of school-based assessment for qualifications on teachers' conceptions of assessment*. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 638-654.